

MAHATHIR-PROJEK  
(I)

1982

KUALA LUMPUR, 11 JUN (BERNAMA) -- KERAJAAN MASIH BERUPAYA MENJALANKAN PROJEK-PROJEK YANG TELAH DIRANCANGKAN WALAUPUN SEDANG MENGURANGKAN PERBELANJAAN DISEBABKAN KEMELESETAN EKONOMI SEKARANG, PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI.

BELIAU MEMBERITAHU PARA PEMBERITA DI PEJABATNYA DI SINI SEMENTARA TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK MUSA HITAM AKAN MENGENDALIKAN KESELURUHAN RANCANGAN PEMBANGUNAN BAGI MEMASTIKAN APA YANG BOLEH DIKURANGKAN PERBELANJAAN DAN JUMLAH, BELIAU SENDIRI AKAN MENGENDALIKAN RANCANGAN DI PERINGKAT KEMUDIAN.

INI IALAH UNTUK MEMASTIKAN TIDAK ADA PENGURANGAN YANG TIDAK WAJAR TIDAK DIBUAT HINGGAKAN KERAJAAN TERPAKSA MEMUNGKIRI PROJEK-PROJEK YANG TELAH DIJANJIKAN, KATANYA.

KEPADA SATU SOALAN, PERDANA MENTERI BERKATA ADALAH LEBIH BAIK BAGI KERAJAAN TIDAK MENGADAKAN BELANJAWAN PERKEMBANGAN MEMANDANGKAN KEMELESETAN EKONOMI DUNIA SEKARANG WALAUPUN IA BERBUAT DEMIKIAN PADA MASA YANG LALU BAGI MENGEKALKAN PERTUMBUHAN APABILA BERLAKUNYA MASALAH EKONOMI ANTARABANGSA.

INI IALAH KERANA KEMELESETAN KALI INI ADALAH LEBIH SERIUS DARIPADA YANG LEPAS DAN KERAJAAN TIDAK MENJANGKAKAN PEMULIHAN SEGERA, TAMBAHNYA.

--BERSAMBUNG 2122/AN

8646

MAHATHIR-PROJEK 2 KUALA LUMPUR

KERAJAAN TELAH MENERIMA HAKIKAT BAHAWA PERMINTAAN UNTUK BARANGAN MALAYSIA TIDAK AKAN MENINGKAT SEGERA YANG AKAN MEMBOLEHKAN MALAYSIA MENEBUSKAN PERBELANJAAN YANG TELAH DIKELUARKAN:

PERDANA MENTERI BERKATA MALAYSIA TIDAK AKAN MENGAMBIL PINJAMAN KECUALI IA MEMPUNYAI KEMAMPUAN MEMBAYAR BALIK.

OLEH DEMIKIAN, CARA YANG PALING BAIK BAGI NEGARA IALAH UNTUK MENGURANGKAN PERBELANJAAN DAN MENINGKATKAN DAYA PENGELUARAN, KATANYA.

MENGENAGI CADANGAN SUPAYA KEUTAMAAN DIBERI KEPADA KONTRAKTOR TEMPATAN UNTUK MELAKSANAKAN PROJEK-PROJEK TERTENTU SEBAGAI MENYEKAT PENGALIRAN KELUAR PERTUKARAN ASING DAN KEMOROSOTAN IMBANGAN PEMBAYARAN NEGARA, PERDANA MENTERI BERKATA SEMUA PIHAK HARUS MENGAMBILKIRA UNSUR ASING DAN TEMPAT DALAM SATU-SATU KONTRAK.

PARA KONTRAKTOR ASING MASIH TERPAKSA MENGELUARKAN KONTRAK KECIL KEPADA KONTRAKTOR TEMPATAN DAN MENGGUNAKAN BAHAN-BAHAN TEMPATAN, BAGI MEMBOLEHKAN JUMLAH BESAR WANG KEKAL DALAM NEGARA, KATANYA.

--BERSAMBUNG 2126/AN

MAHATHIR-PROJEK 3 KUALA LUMPUR

SEBALIKNYA, KONTRAKTOR TEMPATAN JIKA PUN DIBERI KONTRAK MASIH AKAN MENGHADAPI UNSUR TEMPATAN DAN ASING DAN MASIH TERPAKSA MENGIMPORT JENTERA DAN BAHAN-BAHAN.

PERDANA MENTERI BERKATA JURANG PERBEZAAN ADALAH KECIL DAN ADALAH SATU HAKIKAT SETENGAH-SETENGAH KONTRAK BESAR TIDAK DAPAT DIJALANKAN OLEH KONTRAKTOR TEMPATAN.

--BERNAMA 2127/AN

MAHATHIR - PROJEK 4 KUALA LUMPUR (SAMBUNGAN BERITA 647)

BELIAU JUGA MENJELASKAN TIDAK SEMESTINYA TENDER YANG PALING RENDAH DIBERIKAN KONTRAK, UMPAMANYA PROJEK JAMBATAN PULAU PINANG DAN PROJEK DAYABUMI +KERANA KITA HENDAKLAH MEMASTIKAN KERJA DIJALANKAN DENGAN SEMPURNA.+

OLEH DEMIKIAN, SOALNYA BUKAN PEMBAZIRAN WANG JIKA TENDER PALING RENDAH DITOLAK, KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA HANYA PROJEK YANG TIDAK BEGITU PERLU AKAN DITANGGUHKAN DI BAWAH RANCANGAN PENGURANGAN PERBELANJAAN KERAJAAN SEKARANG.

DITANYA TENTANG TEMBELING, BELIAU BERKATA PROJEK ITU MASIH DALAM PERANCANGAN DAN BAGI PROJEK HIDRO ELEKTRIK SEPERTI ITU MUNGKIN LIMA TAHUN AKAN BERLALU SEBELUM TENDER DIKELUARKAN DAN MUNGKIN 10 TAHUN SEBELUM TENAGA ELEKTRIK DAPAT DIPEKALKAN. - BERNAMA 2222/BW